

08 MAY 2003

MAHATHIR-BINTULU/I

PM TIBA DI BINTULU UNTUK RASMI KOMPLEKS LNG PETRONAS

BINTULU, 8 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah tiba di sini hari ini untuk merasmikan kompleks gas asli cecair (LNG) Petronas berharga RM16.6 bilion.

Jet eksekutif yang membawa beliau mendarat di lapangan terbang baru Bintulu di mana beliau kemudian menaiki sebuah helikopter ke kompleks tersebut.

Beliau disambut di lapangan terbang itu oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Upacara itu adalah tugas rasmi utama yang pertama Dr Mahathir sejak pulang daripada bercuti dua bulannya Isnin lalu.

Turut hadir pada upacara itu ialah presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Kompleks tersebut, kemudahan pengeluaran LNG terbesar dunia di atas sebuah tapak tunggal, berukuran 276ha dan ini adalah bersamaan dengan 402 buah padang bola sepak.

Ia terdiri daripada tiga loji -- MNLG 1, MNLG 2 dan MNLG 3 -- dan ketiga-tiganya mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 8.1 juta tonne setahun (MTPA), 7.8 MTPA dan 6.8 MTPA masing-masing.

Kompleks itu lengkap dengan tangki-tangki simpanan dan jeti muatan bagi LNG untuk disimpan dan dieksport ke pelanggan-pelanggan seberang laut melalui kapal-kapal tangki khas.

Ketiga-tiga loji itu kini menggaji 850 pekerja, yang mana 80 peratus daripadanya adalah rakyat Sarawak.

Sejak penubuhannya pada 1983 hingga 31 Mac 2003, kira-kira 188 juta tonne LNG telah dihantar daripada kompleks itu, yang menjana AS\$36.1 bilion (RM137.18 bilion) hasil.

Kebanyakan daripada LNG itu dieksport ke Jepun, Taiwan dan Korea Selatan, di mana agihan pasaran LNG Malaysia berjumlah 25 peratus, 49 peratus dan 21 peratus masing-masing.

Malaysia kini adalah pengeksport LNG ketiga terbesar di dunia, menyumbang 13 peratus atau 15 juta tonne setahun daripada eksport global, selepas Indonesia dan Algeria.

Pada 2002, LNG menyumbang 5.6 peratus daripada keluaran negara kasar Malaysia dan tiga peratus daripada eksport kasar Malaysia.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Long Bedian di Hulu Baram untuk melancarkan e-Bedian dan kemudahan-kemudahan internet luar bandar lain bagi masyarakat desa di situ. -- BERNAMA

NT/FLL MR/MKO OS